

PROSIDING SEMINAR KEBANGSAAN SAINS, TEKNOLOGI & SAINS SOSIAL

27 ~ 28 MEI 2002

HOTEL VISTANA, KUANTAN, PAHANG

Anjuran :



**Universiti Teknologi MARA
Cawangan Pahang**

Dengan Kerjasama



**Kerajaan
Negeri Pahang Darul Makmur**

JILID 2



PEMBANGUNAN MANUSIA MENURUT PERSPEKTIF MALEK BENNABI

JAFFARY AWANG¹ & EZAD AZRAAI JAMSARI²

¹Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam,

²Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam,
Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Penulisan ini memaparkan perbincangan mengenai pembangunan manusia yang perlu dilakukan oleh masyarakat sesebuah negara. Pembangunan ini memerlukan kombinasi yang mantap dan lengkap dari aspek spiritual-moral dan material. Penulisan ini menegaskan bahawa manusia yang mempunyai kombinasi tersebut mampu membentuk diri serta masyarakat dalam membina kemajuan negara dan bangsa. Perbincangan ini berdasarkan pemikiran Malek Bennabi berhubung dengan manusia dan masyarakat. Di samping itu juga, penulisan ini bermatlamat untuk mengemukakan paradigma pembangunan manusia Malek Bennabi yang menitikberatkan aspek agama dalam konteks pembangunan semasa. Pendekatan secara content analysis digunakan dalam menganalisa tema-tema pemikiran beliau. Penulisan ini merumuskan bahawa aspek pembangunan manusia perlu mengambil kira aspek dalaman individu, di samping faktor luaran seperti suasana dan interaksi.

Keywords: Agama, masyarakat, konsep manusia, tamadun dan pembangunan manusia.

PENDAHULUAN

Kewujudan manusia di muka bumi ini sering menimbulkan tanda tanya bagi sebahagian besar kelompok manusia yang tidak memahami hakikat kejadian mereka. Lantas, wujudlah segolongan manusia yang mencari-cari asal kejadiannya menyebabkan lahir teori-teori yang menerangkan asal-usul manusia. Walau bagaimanapun, keputusan yang diperoleh adalah bercanggah dengan hakikat manusia yang sebenar sebagaimana yang diterangkan oleh Allah (s.w.t.). Pembangunan manusia ialah elemen utama untuk membangunkan sesebuah negara dan tamadun. Pembangunan manusia yang terancang dan terarah akan melahirkan masyarakat yang mengamalkan norma-norma keagamaan dan kemanusiaan secara beriringan. Begitulah luahan dan pandangan Malek Bennabi (1905-1973) berkenaan pencapaian kemajuan yang perlu dititikberatkan oleh manusia Muslim.

Cetusan pemikiran Malek Bennabi sebagai seorang penulis, ahli fikir dan kemungkinan juga ahli falsafah sosial pertama yang dilahirkan oleh dunia Islam selepas zaman Ibn Khaldun, amat relevan dengan apa yang berlaku pada era dewasa ini. Sintesis baru mengenai sejarah dan peradaban manusia oleh beliau telah memberi impak dan modal yang besar kepada intelektual Islam. Perbandingan yang beliau lakukan antara tamadun Islam dan peradaban Barat tidak boleh dipertikaikan oleh sesiapa pun. Hal ini boleh diumpamakan secara simbolik seumpama kata-kata berikut, "If Iqbal ignites fires with his poetic imagination, Bennabi does so with his immaculate prose" (Anwar 1991: xii).

Akhir-akhir dasawarsa ini, ketokohan dan sumbangan Malek Bennabi khususnya menerusi karya-karyanya, mula mendapat perhatian kalangan para pengkaji dan penyelidik sosial dan peradaban manusia, sama ada di Barat, Timur Tengah mahu pun di Nusantara. Bahkan kajian mengenai pemikiran Malek Bennabi terhadap budaya dan tamadun sudah dijadikan penyelidikan di peringkat pengajian sarjana dan doktor falsafah di universiti-universiti, dalam negeri dan juga di luar negara. Apabila karya-karya utama Malek Bennabi diteliti, kita mendapati isu pembangunan dan tamadun manusia menjadi topik utama perbincangan beliau. Pendekatan perbincangan beliau lebih kepada interpretasi sosiologi beriringan paparan sejarah dan peradaban manusia. Sebagaimana tokoh-tokoh pemikir Islam lain, beliau cuba mengungkap perkembangan masyarakat dengan menggabungkan elemen Islam dengan gaya pemikiran Barat. Ini tidak menghairankan memandangkan beliau pernah melanjutkan pelajaran di universiti Barat. Dengan demikian, sedikit sebanyak pendekatan beliau dipengaruhi oleh tokoh-tokoh pemikir Barat. Dalam membincangkan aspek pembangunan manusia, penulisan ini akan mengupas pandangan Malek Bennabi dari sudut konsep manusia, konsep masyarakat dan pembangunan manusia. Ini penting dalam mengungkapkan pola pemikiran beliau mengenai manusia dan masyarakat, secara teoritikal dan praktikal.

BIOGRAFI RINGKAS MALEK BENNABI

Sumber utama mengenai riwayat hidup Malek Bennabi telah dicatat oleh beliau sendiri dalam bahasa Perancis yang berjudul *Memoirs d'un Témoin du Siècle* dan diterbitkan pada tahun 1966. Buku ini sudah diterjemahkan ke bahasa Arab oleh Profesor Marwan Qanawati, Dr. ^CAbd al-Majid al-Na^Cna^Ci (Rektor Universiti Lubnan Cawangan Tripoli), ^CUmar Masqawi dan Malek Bennabi sendiri dengan diberi judul *Mudhakkirat Shahid li al-Qarn* (Binnabi 1984) dan terbahagi kepada dua bahagian. Bahagian pertama (era *al-tifl*) membicarakan kehidupan beliau dari tahun 1905 hingga 1930 dan bahagian kedua (era *al-talib*) pula memaparkan proses pembentukan pemikiran beliau dari tahun 1930 hingga 1939.

Malek Bennabi dilahirkan di Constantine, Algeria Timur pada 1 November 1905. Beliau dianggap sebagai seorang penulis, ahli falsafah, tokoh pemikir Arab-Algeria yang unggul pada abad ke-20M. Malek Bennabi mempunyai tiga orang kakak dan beliau ialah anak bongsu dan satu-satunya anak lelaki dalam keluarganya. Beliau dibesarkan dalam sebuah keluarga yang amat menitikberatkan tradisi warisan Arab-Algeria dan berpegang teguh dengan ajaran Islam. Ketika kecil lagi, Malek Bennabi telah diserahkan sebagai anak angkat kepada bapa saudaranya yang tinggal berdekatan Constantine. Setelah kematian bapa saudaranya, Malek diserahkan semula kepada keluarganya yang menetap di Tibissa. Menurut catatan beliau sendiri, hubungan antara beliau dengan bapanya tidak dinyatakan secara jelas. Bapa beliau dikatakan sebagai seorang yang berpendidikan lepasan institusi menengah tempatan yang disebutkan sebagai *al-Madrasah al-Rasmiyyah*. Bapa beliau dihormati oleh masyarakat sekeliling dan bersungguh-sungguh dalam memberi pendidikan kepada anak-anaknya. Ini dibuktikan dengan kesungguhan bapanya menghantar Malek Bennabi ke Paris untuk melanjutkan pengajiannya. Turut dijelaskan hubungan erat antara beliau dengan neneknya, Hajjah Zulaikha yang berperanan penting dalam memberi pendidikan sempurna kepada cucu-cucunya termasuk Malek Bennabi (Bariun 1993: 71).

Di peringkat masih kanak-kanak lagi, Malek Bennabi telah mula mempelajari subjek agama khususnya pengajian al-Qur'an yang sememangnya beliau kuasai. Di samping itu, beliau turut mempelajari dan mempunyai pengalaman menuntut ilmu di sekolah Perancis. Namun begitu, Malek Bennabi tidak berpuas hati dengan *dwi-standard* yang diamalkan di Tibissa pada ketika itu dengan membezakan golongan murid yang mempelajari di sekolah Perancis dengan mereka yang belajar di sekolah agama. Lalu beliau berazam untuk membuktikan bahawa beliau juga mampu berjaya dalam apa jua bidang yang diceburi. Pada tahun 1921, Malek Bennabi telah berpindah ke *al-Madrasah al-Konstantiniyyah*, suatu pengalaman yang memiliki keistimewaan sosial dan intelektual tersendiri. Ini kerana *madrasah* tersebut dikhususkan untuk anak-anak golongan bangsawan dan birokrat yang bakal berkecimpung dalam bidang kepimpinan negara dan pemerintahan (Bariun 1993: 74). Pada tahun 1930 pula, Malek Bennabi telah membuat keputusan untuk pergi ke Perancis bagi melanjutkan pengajiannya di sana. Beliau telah mendaftarkan diri di *L'Ecole des Langues Orientales* (*The School of Oriental Languages*) dan menduduki peperiksaan bahasa Arab. Akan tetapi beliau gagal dan mendapati "that joining the institution does not subject an Algerian Muslim to an intellectual measure, but to political one" (Bariun 1993: 78). Beliau kemudiannya telah mendaftarkan diri di Institut Kejuruteraan dan pusat pendidikan inilah yang telah mengubah hala tuju akademik beliau. Malah beliau bertambah minat untuk mengetahui dan mendalami ilmu berkaitan sains. Pada tahun 1935, Malek Bennabi telah menamatkan pengajian dan seterusnya menjadi seorang jurutera dalam bidang elektrik. Malek Bennabi cenderung untuk menganalisa peristiwa-peristiwa yang berlaku di sekelilingnya semenjak usia muda. Pengetahuan dan pendidikannya yang sistematik menyebabkan beliau mampu untuk mengungkap permasalahan yang berlaku di kalangan negara-negara mundur. Malah Malek Bennabi menganggap permasalahan-permasalahan tersebut sebagai topik perbincangan utama dalam peradaban manusia. Semua hasil penulisan beliau telah dikategorikan dalam siri penerbitan *Mushkilat al-Hadarah* (Permasalahan Tamadun).

Pada tahun 1956, beliau telah pergi ke Kaherah dan Kementerian Penerangan Mesir telah menerbitkan bukunya yang berjudul *L'Afro-Asitisme* ke bahasa Arab dengan judul *al-Fikrah al-Ifriqiyyah al-Asiyyah*. Ketika di Kaherah, Malek Bennabi cenderung untuk menterjemahkan karya-karya beliau ke bahasa Arab setelah beliau berjumpa dan berinteraksi dengan beberapa orang pelajar. Buku-buku tersebut telah berjaya diterbitkan di samping buku-buku yang beliau tulis dengan menggunakan bahasa Arab secara langsung. Setelah Algeria memperoleh kemerdekaan, pada tahun 1963 Malek Bennabi telah pulang semula ke Algeria dan dilantik sebagai Pengarah Bahagian Pendidikan Tinggi. Pada tahun 1967 pula, beliau telah bersara daripada perjawatannya dan memberi tumpuan kepada kerja-kerja penulisan dan pengarang, di samping menganjurkan beberapa siri diskusi ilmiah di peringkat nasional dan antarabangsa. Antara hasil penulisan ialah seperti berikut:

1. *Le Phénoména Coranique (al-Zahirah al-Qur'aniyyah* atau *The Qura'anic Phenomenon*) dalam bahasa Perancis dan diterbitkan di Algeria pada tahun 1946.
2. *Labbeyk (Labbayk)*, novel berbahasa Arab yang menerapkan pemikiran sosial. Buku ini diterbitkan di Algeria pada tahun 1947.
3. *Les Conditions de La Renaissance (Shurut al-Nahdah* atau *The Conditions of the Renaissance*) dalam bahasa Perancis dan diterbitkan di Algeria pada tahun 1948.
4. *La Vocation de l'Islam (Wijhat al-^CAlam al-Islami* atau *Islam in History and Society*) dalam bahasa Perancis dan diterbitkan di Algeria pada tahun 1948.
5. *Le Probléme des Idées dans Le Monde Musulman (Mushkilat al-Afkar fi al-^CAlam al-Islami* atau *The Problem of Ideas in the Muslim World*) dalam bahasa Perancis dan diterbitkan di Kaherah pada tahun 1957.
6. *Mushkilat al-Thaqafah (The Problem of Culture)* dalam bahasa Arab dan diterbitkan di Kaherah pada tahun 1957.
7. *S.O.S. Algérie (al-Najdah li al-Jaza'ir)* dalam bahasa Perancis dan diterbitkan di Kaherah pada tahun 1957.
8. *al-Sira^C al-Fikri fi al-Bilad al-Musta^Cmarah (The Ideological Struggle in Colonised Countries)* dalam bahasa Arab dan diterbitkan di Kaherah pada tahun 1957.
9. *Hadith fi al-Bina' al-Jadid (The New Islamic Edification)* dalam bahasa Arab dan diterbitkan di Beirut pada tahun 1958.
10. *Fikrat Commonwealth Islami (The Idea of An Islamic Commonwealth)* dalam bahasa Arab dan diterbitkan di Beirut pada tahun 1958.
11. *Ta'ammulat fi al-Mujtama^C al-^CArabi (Reflections on the Arabic Society)* dalam bahasa Arab dan diterbitkan di Kaherah pada tahun 1960.
12. *Milad Mujtama^C (Birth of Society)* dalam bahasa Arab dan diterbitkan di Kaherah pada tahun 1960.
13. *Discours sur la Culture, l'idéologie, et la Civilization (Afaq Jaza'iriyah* atau *Algerian Horizon*) dalam bahasa Perancis dan diterbitkan di Algeria pada tahun 1964. Buku ini pada asalnya ialah himpunan tiga syarahan beliau yang disampaikan di Algeria dengan tujuan untuk mengeksplorasi peranan Algeria sebagai sebuah wilayah yang merdeka.
14. *Antaj al-Mustashriqin (The Work of the Orientalists)* dalam bahasa Perancis dan diterbitkan di Algeria pada tahun 1967.
15. *Memoirs d'un Temoin du Siécle (Mudhakkirat Shahid li al-Qarn* atau *Memoirs of a Witness of the Century*). Bahagian pertama memoir ini (*al-tifl*) diterbitkan dalam bahasa Perancis di Algeria pada tahun 1966. Manakala bahagian kedua pula (*al-talib*) telah diterbitkan dalam bahasa Arab di Beirut pada tahun 1970.
16. *al-Muslim fi ^CAlam al-Iqtisad (The Muslim in the Realm of Economics)* dalam bahasa Arab dan diterbitkan di Beirut pada tahun 1972.
17. *Dawr al-Muslim wa Risalatuh fi al-Thuluth al-Akhir min al-Qarn al-^CIshrin (The Role of the Muslim in the Last Third of the 20th Century)* dalam bahasa Arab dan diterbitkan di Dimashq pada tahun 1973.
18. *Bayn al-Rashad wa al-Tih (Between Clear Direction and Aimless Wandering)*. Himpunan artikel yang diusahakan oleh teman yang juga peguam Malek Bennabi bernama ^CUmar Masqawi setelah kematiannya (Bennabi). Artikel-artikel berbahasa Perancis tersebut telah disiarkan dalam akhbar-

akhbar di Algeria seperti *La Revolution Africaine* dan *al-Mujahid* dan kemudiannya diterjemahkan ke bahasa Arab dalam buku ini yang telah diterbitkan pada tahun 1963.

MANUSIA MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Pembangunan manusia melibatkan dua unsur utama, iaitu spiritual-moral dan material. Dalam hubungan ini, Islam ialah *din* yang lengkap dan merangkumi seluruh aspek kehidupan manusia; segala permasalahan telah pun terjawab dalam Islam. Hakikat manusia telah dijelaskan secara terperinci dalam kedua-dua sumber rujukan utama, iaitu al-Qur'an dan al-Hadith. Manusia bukanlah binatang sebagaimana yang diterangkan oleh teori Charles Darwin tetapi manusia ialah makhluk yang dijadikan Allah (s.w.t.) dengan sebaik-baik kejadian dan manusia juga dianggap sebagai makhluk yang mempunyai tanggungjawab besar di atas muka bumi ini.

Hakikat Kejadian Manusia

Allah (s.w.t.) telah menjelaskan bahawa manusia dicipta daripada dua unsur, iaitu rohani dan jasmani. Ini dapat dilihat melalui rangkaian ayat-ayat al-Qur'an yang menerangkan kejadian manusia, antaranya ialah firman Allah (s.w.t.) yang mafhumnya:

Dan sesungguhnya Kami telah menjadikan manusia itu daripada pati tanah (saripati yang berasal daripada tanah), kemudian Kami jadikan saripati itu air mani (yang disimpan) di tempat yang kukuh (rahim), kemudian air mani itu Kami jadikan seketul darah dan segumpal daging, kemudian Kami jadikan segumpal daging itu tulang, kemudian Kami jadikan dia satu kejadian yang lain (manusia yang sempurna), maka Maha Besar Allah dan Dia adalah sebaik-baik pencipta.

(al-Qur'an, al-Baqarah: 12-14)

Ayat ini menerangkan bahawa manusia berasal daripada tanah, tetapi keturunannya berasal daripada air mani yang hina. Keterangan ini telah disokong oleh penemuan ahli-ahli sains yang menunjukkan bahawa unsur jasmani yang ada pada manusia ialah sama dengan unsur-unsur yang ada pada tanah. Oleh kerana kejadian manusia dari sudut jasmani berasal daripada tanah, dengan demikian tuntutan dan keperluan manusia juga berasaskan tanah seperti makanan, pakaian dan tempat perlindungan. Unsur rohani yang ada pada manusia pula ialah daripada Allah (s.w.t.) sebagaimana firman Allah (s.w.t.) yang mafhumnya:

Kemudian Dia sempurnakan kejadiannya dan meniupkan ke dalam (tubuhnya) roh (ciptaan)-Nya. Dan Dia jadikan kamu pendengaran, penglihatan dan hati (tetapi) kamu sedikit sekali bersyukur.

(al-Qur'an, al-Sajdah: 9)

Sebagaimana unsur jasmani manusia, unsur rohani juga memiliki tuntutan dan keperluan yang sesuai dengan tabiat kerohaniannya. Tuntutan rohani terangkum pada akidah, akhlak dan pengabdian, atau secara ringkasnya terhimpun dalam perkataan Islam itu sendiri. Berdasarkan kejadian manusia ini, jelaslah bahawa manusia berbeza dengan makhluk-makhluk Allah (s.w.t.) yang lain contohnya seperti binatang, tumbuh-tumbuhan dan alam semulajadi yang tidak dikurniakan akal fikiran (al-Namr 1987: 15). Menerusi penggunaan akal yang terarah, manusia dapat mentadbir dan mengurus alam sesuai dengan tugasnya sebagai pemegang amanah Allah (s.w.t.) di muka bumi ini. Melalui akal juga, Allah (s.w.t.) mengangkat darjat manusia sebagaimana firman-Nya yang mafhumnya:

Dan sesungguhnya telah Kami muliakan anak-anak Adam, Kami angkat mereka di daratan dan lautan, Kami beri mereka rezeki dari yang baik-baik dan Kami lebihkan mereka dengan kelebihan yang sempurna atas kebanyakan makhluk yang Kami telah ciptakan.

(al-Qur'an, al-Isra': 70)

Manusia ialah lumpur yang telah menjadi mulia dengan kewujudan unsur rohani yang ada padanya, sebagaimana yang diterangkan oleh Allah (s.w.t.) melalui firman-Nya yang mafhumnya:

(Ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat, "Sesungguhnya Aku akan mencipta manusia daripada tanah. Apabila telah Aku sempurnakan kejadiannya dan Aku tiupkan kepadanya roh (ciptaan)-Ku, hendaklah kamu tersungkur dengan sujud kepadanya".

(al-Qur'an, al-Sad: 71)

Itulah ajaran Islam yang sempurna dan unik, mengajar manusia supaya tidak menolak tuntutan kimia tubuhnya yang berasal daripada tanah, di samping terus mengekalkan perkecualiannya sebagai tanah yang beruli (bergabung) dengan rohani (Che Yusoff 1986: 5). Justeru, manusia ialah sebaik-baik kejadian yang Allah (s.w.t.) ciptakan. Walaupun manusia dijadikan melalui dua unsur yang berbeza, namun kekuasaan Allah (s.w.t.) telah mencantumkan kedua-dua unsur ini kepada satu bentuk yang sempurna, iaitu manusia.

Status Manusia

Allah (s.w.t.) telah mengangkat darjat manusia dan dimuliakan di kalangan makhluk-makhluk yang Dia ciptakan. Walau bagaimanapun, darjat manusia akan jatuh serendah-rendah kedudukan apabila manusia tidak menggunakan akalnyanya dengan sebaik mungkin. Firman Allah (s.w.t.) yang mafhumnya:

Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya. Kemudian Kami kembalikan dia ke tempat yang serendah-rendahnya (neraka).

(al-Qur'an, al-Tin: 4-5)

Keistimewaan manusia terletak pada akalnyanya. Melalui akal, manusia dapat berfikir dan membuat perhitungan antara yang baik dan yang buruk. Oleh yang demikian, sekiranya manusia menggunakan akalnyanya berlandaskan lunas-lunas yang telah ditentukan Allah (s.w.t.), manusia itu akan mencapai kejayaan di dunia dan juga Akhirat. Dengan segala keistimewaan yang dianugerahkan Allah (s.w.t.) kepada manusia, sudah pasti manusia itu dapat mengatur dan merancang kehidupan mereka sepertimana yang dikehendaki oleh Allah (s.w.t.).

Tanggungjawab Manusia Sebagai Hamba

Manusia ialah hamba Allah (s.w.t.) dan kedudukan ini meletakkan dirinya agar wajib menyerahkan seluruh ketaatan dan kepatuhan kepada Allah (s.w.t.) Yang Maha Besar. Tanggungjawab manusia yang paling utama ialah untuk beribadah kepada Allah (s.w.t.) sebagaimana firman-Nya yang mafhumnya:

Dan tidak Aku jadikan jin dan manusia melainkan supaya mereka menyembah (beribadah kepada)-Ku.

(al-Qur'an, al-Dhariat: 56)

Menyembah Allah (s.w.t.) bermaksud memusatkan peribadatan kepada-Nya semata-mata dengan cara menjalani dan mengatur seluruh aspek kehidupan sesuai dengan kehendak Allah (s.w.t.). Ibadah yang berlaku secara langsung ialah melalui pelaksanaan ibadah-ibadah yang diperintahkan Allah (s.w.t.) kepada manusia. Dengan ini, berlakulah hubungan antara hamba dengan *Khaliqnya*. Hubungan manusia dengan Allah (s.w.t.) ialah hubungan terakhir dan prima yang menjadi matlamat setiap individu Muslim, bahkan manusia itu sendiri. Hubungan ini dikenali sebagai *'ubudiyyah li Allah wahdah*, iaitu perhambaan yang mutlak kepada Allah (s.w.t.). Konsep ibadah ini tidak hanya terbatas kepada hubungan manusia dengan Allah (s.w.t.), tetapi juga termasuk hubungan manusia sesama manusia dan dengan makhluk-makhluk yang lain. Kesepaduan antara bentuk-bentuk perhubungan ini terungku dalam pengertian ibadah. Dengan lain perkataan, semua kegiatan kehidupan manusia dilakukan dalam rangka untuk beribadah kepada Allah (s.w.t.). Ibadah juga membawa pengertian menyerahkan diri kepada Allah (s.w.t.) dan penyerahan ini meliputi penyerahan akhlak, akidah, ibadah dan syariah (Haron 1988: 21).

MASYARAKAT MENURUT PERSPEKTIF MALEK BENNABI

Dalam menganalisa perkembangan kehidupan masyarakat, Malek Bennabi seperti ahli-ahli sosiologi lain (Dhaouadi 1986: 144), telah mengklasifikasikan masyarakat kepada dua kategori, iaitu *natural stationary societies* dan *historical dynamic societies*.

1. *Natural stationary societies*, iaitu mempunyai persamaan bentuk seperti serangga (semut, lebah). Analisa beliau lebih kepada bentuk mekanisme yang terjadi dalam kelompok masyarakat sedemikian. Menurut beliau, masyarakat ini mempunyai suatu bentuk tamadun yang tinggi tetapi tidak bersifat mekanikal dan kehidupannya diurus melalui suatu nilai dalaman. Pendekatan

sebegini dari perspektif kajian etnologi dan etnografi, lebih dikenali sebagai masyarakat primitif. Masyarakat jenis ini mewakili kelompok zaman pra-sejarah (al-Mesawi 1998: 46).

2. *Historical dynamic societies*, iaitu terbentuk melalui dua proses. Pertama, masyarakat yang bersifat primitif. Masyarakat ini tidak melalui proses sejarah lampau dan tidak mengalami apa-apa proses perubahan. Ini bererti bahawa masyarakat sebegini seolah-olah tidak mempunyai interaksi dengan mana-mana kelompok yang memungkinkan mudah dipengaruhi. Kedua, masyarakat yang bersifat fleksibel. Masyarakat ini mudah menerima sebarang unsur luar sama ada sebahagian atau keseluruhan dalam membina jati diri mereka. Proses perubahan yang diadaptasi oleh kelompok kedua ini pula melalui dua proses yang bersifat geografi dan yang bersifat ideologi (al-Mesawi 1998: 46). Kedua-dua pendekatan ini mempunyai impak yang berbeza.

- i. Jenis geografi.
Kekuatan kelompok ini lebih berbentuk respon kepada cabaran-cabaran yang dihadapi ketika berdepan dengan faktor alam fizikal yang bersifat tabii.
- ii. Jenis ideologi.
Kelompok ini pula wujud hasil daripada pemikiran ideal manusia yang wujud dalam diri manusia itu sendiri. Bagi Malek Bennabi, masyarakat Islam dapat dikategorikan dalam golongan ini memandangkan masyarakat Islam dianggap sebagai kelompok masyarakat manusia yang paling unggul (al-Mesawi 1998: 47).

Malek Bennabi menjelaskan bahawa realiti masyarakat tidak bersifat statik. Justeru, dalam konteks perkembangan ilmu, sains sosial tidak seharusnya hanya menitikberatkan perkara-perkara yang tidak bersifat dinamik. Sebaliknya menurut beliau, sains sosial perlu menumpukan aspek-aspek yang berkait dengan kehidupan masyarakat dan organisasi-organisasi yang wujud dalam sesebuah masyarakat (al-Mesawi 1998: 47). Dalam hubungan ini, Malek Bennabi mendapati bahawa masyarakat ialah entiti yang sentiasa bergerak. Oleh yang demikian, beliau telah mendefinisikan masyarakat sebagai 'satu kelompok individu yang memiliki persamaan dari sudut tabiat dan budaya, berada di bawah satu sistem perundangan dan mempunyai matlamat yang sama' (al-Mesawi 1998: 48). Beliau menambah bahawa masyarakat ialah suatu organisme yang bersifat tertentu berasaskan bentuk-bentuk dan tabii manusia (al-Mesawi 1998: 49). Lantaran daripada itu, masyarakat juga boleh ditakrifkan sebagai 'kelompok manusia yang sentiasa berubah dan perubahan itu pula diusahakan oleh manusia itu sendiri. Ini memandangkan perubahan tersebut perlu dilaksanakan dalam mencapai sesuatu objektif' (al-Mesawi 1998: 49).

Huraian di atas menjelaskan bahawa ciri-ciri yang membentuk suatu masyarakat meliputi aspek dalaman dan luaran. Aspek dalaman yang dapat dikenal pasti dan dianalisa oleh Malek Bennabi ialah kesatuan matlamat. Dalam konteks pembangunan manusia, kejelasan matlamat ialah aspek yang utama. Dengan demikian, setiap anggota sama ada dalam sebuah komuniti yang kecil atau besar, akan bergerak ke arah mencapai matlamat tersebut. Demi merealisasikan matlamat yang diperjuangkan, komuniti tersebut perlu membentuk suatu sistem bagi melancarkan pergerakan yang dirancang. Dalam konteks sosiologi pula, kesatuan matlamat menjadi pemangkin kepada pembentukan kesatuan di kalangan anggota sesuatu masyarakat. Kesatuan ini akan menjadi semakin kukuh lagi utuh apabila dikaitkan dengan elemen agama. Ini kerana "religion's strength is both communal and societal" (Beyer 1994: 182). Aspek luaran pula, merujuk kepada perpaduan di kalangan setiap anggota masyarakat bagi mencapai objektif yang disepakati bersama. Ini memerlukan garis panduan yang jelas bagi mengawal anggota masyarakat agar bergerak dalam satu pendekatan yang sama. Dengan itu, terbentuklah persamaan dari sudut tabiat dan budaya seperti mana yang diuraikan oleh Malek Bennabi.

Apabila membicarakan mengenai pembangunan manusia, aspek peranan budaya tidak dapat dipinggirkan. Dalam perkaitan ini, Malek Bennabi turut menjelaskan bahawa masyarakat dan budaya mempunyai hubungan erat dan dinamik. Ini kerana masyarakat dianggap sebagai agen utama yang melahirkan budaya. Dalam waktu yang sama, masyarakat juga dianggap sebagai entiti budaya (al-Mesawi 1998: 50). Ini bererti bahawa hubungan antara masyarakat dan budaya lebih bersifat dialektik (timbal-balik). Perubahan yang berlaku dalam masyarakat ialah kerana masyarakat mempunyai matlamat atau objektif dalam kehidupan. Pergerakan-pergerakan ke arah mencapai matlamat ini dianggap sebagai ciri utama dalam menentukan sama ada sesuatu masyarakat itu progresif atau mundur. Masyarakat ialah agen terpenting dalam membentuk budaya. Secara lebih khusus, Islam melihat budaya berperanan 'untuk memperelok dan memperhaluskan barang-barang tambahan dalam kehidupan manusia di samping bertujuan untuk memperindah dan memuliakan hidup manusia itu sendiri' (Pickthall 1961: 2).

PEMBANGUNAN MANUSIA MENURUT PERSPEKTIF MALEK BENNABI

Pembangunan dalam Konteks Masyarakat

Pembangunan manusia berlaku melalui proses dalaman dan luaran. Kedua-dua faktor ini perlu bergerak seiring bagi mencapai tahap kesempurnaan sesebuah tamadun manusia. Dalam hubungan ini, Malek Bennabi menjelaskan bahawa pembangunan manusia ialah gabungan antara elemen moral dan kebendaan. Aspek moral di sini, meliputi kefahaman, penghayatan dan pemikiran. Apa yang menarik, Malek Bennabi menghubungkan aspek pembangunan manusia dengan aspek kekuasaan dan pemerintahan. Ini kerana menurut beliau, kelahiran tamadun manusia bergantung kepada kehendak dan kuasa yang diterjemahkan menerusi bentuk-bentuk polisi, perundangan, norma-norma dan institusi-institusi. Semua ini bertujuan untuk menjana pemikiran manusia berhubung aspek sosial dan moral (al-Mesawi 1998: 140).

Pembangunan manusia akan melalui proses evolusi. Dalam konteks pemikiran Malek Bennabi, beliau melihat perkembangan manusia melalui tiga proses, iaitu spiritual, rasional dan deria rasa. Dalam konteks fasa spiritual, manusia dan objek berpusat pada pemikiran. Menurut beliau, aspek spiritual memainkan peranan yang amat penting dalam pembangunan manusia. Ini kerana kekuatan tenaga masyarakat atau individu berada di bawah kawalan spiritual. Orientasi pemikiran sebegini berlaku dalam rangka pemikiran individu. Oleh sebab itu, ahli-ahli masyarakat pada peringkat ini begitu kreatif dengan gagasan pemikiran yang besar lagi hebat. Impak pemikiran ini jelas kelihatan pada bentuk, tindakan dan kelakuan mereka. Berdasarkan analisa ini, menunjukkan masyarakat yang berorientasikan spiritual dan etika akan menjadi lebih berdinamik. Oleh yang demikian, Malek Bennabi menegaskan bahawa kuasa yang menggerakkan pembentukan sesuatu tamadun dan kebudayaan masyarakat adalah berpusat kepada pemikiran dan nilai-nilai (al-Mesawi 1998: 142). Walau bagaimanapun, beliau tidak merujuk secara khusus kepada minda ketika membincangkan perkembangan tamadun manusia, tetapi asas kepada pergerakan sesuatu tamadun ialah minda. Sementara perkembangan minda pula dapat dirujuk sebagai sifat dinamika manusia itu sendiri (Bariun 1993: 116-118). Persoalan yang timbul ialah apakah bentuk-bentuk nilai yang menjadi teras kepada pembangunan manusia? Bagi menjawab persoalan ini, kelihatan Malek Bennabi tidak menjelaskan nilai-nilai tersebut secara jelas menerusi penulisan-penulisannya. Walau bagaimanapun, persoalan ini mungkin terjawab apabila kita melihat kepada pandangan beliau mengenai hubungan antara tamadun dengan pembangunan manusia, khususnya dalam konteks tamadun Islam. Menurut beliau, manusia sebenarnya berperanan sebagai agen terpenting dalam membentuk hala tuju sesuatu tamadun. Ini bererti bahawa manusia itu perlu dibangunkan dari aspek spiritual dan juga material. Kombinasi kedua-dua faktor inilah yang menjadi pemangkin utama dalam menentukan kemajuan dan kemunduran sesuatu tamadun. Inilah rumusan yang dapat difahami daripada kenyataan Malek Bennabi yang memberi penegasan berikut, "The ensemble of the spiritual and material elements that enable a society to give each of its members the required social securities for his or her progress" (dalam Youcef 1993: 553).

Pada tahap spiritual, pergerakan manusia dipandu arah oleh nilai-nilai agama. Di peringkat ini, deria rasa manusia tidak hilang sebaliknya didisiplinkan melalui nilai-nilai agama (Bariun 1993: 116). Deria rasa ini dirujuk kepada sifat-sifat nafsu dan keinginan yang sedia ada dalam diri manusia. Dalam menganalisa persoalan ini, Malek Bennabi menyingkap kembali bagaimana pembentukan diri para Sahabat (r.a.) pada zaman Rasulullah (s.a.w.). Menurut beliau, pada zaman tersebut pemikiran dan sikap masyarakat lebih bersikap keagamaan. Pengaruh agama terhadap pemikiran dan kehidupan masyarakat pada ketika itu agak ketara. Jelas bagi beliau bahawa nilai agamalah yang membawa manusia kepada tahap kemajuan atau kemunduran. Akhirnya nilai ini berjaya membentuk sebuah tamadun manusia yang ideal (Bennabi 1981: 30). Pembentukan tamadun manusia menurut Malek Bennabi ialah gabungan pelbagai faktor sama ada yang bersifat kerohanian mahu pun kebendaan. Menurut beliau lagi, tamadun ialah suatu bentuk gabungan antara masyarakat dan institusi-institusi yang wujud dalam masyarakat. Semua elemen dan institusi tersebut berperanan dalam membentuk jati diri setiap ahli masyarakat (dalam Mohd. Kamil 1993: 40).

Seterusnya dalam konteks fasa rasional pula, Malek Bennabi menghubungkan perkembangan tamadun dengan tahap kematangan dan intelek. Pada peringkat ini, dianggap sebagai kemuncak kemajuan masyarakat dari sudut kebudayaan, saintifik, kebendaan dan ekonomi (al-Mesawi 1998: 144). Pada peringkat ini agama dan nilai-nilainya telah berkembang secara bersifat global. Ini berlaku hasil daripada penghayatan dan pengamalan yang berlaku di kalangan manusia. Sifat dinamik agama ini jelas dari ulasan beliau, iaitu "...Islamic civilization departed, as a driving force, from the depth of souls, to spread horizontally on earth, from the Atlantic shore to the Chinese borders". Persoalannya bagaimana melalui pengamalan dan penghayatan tersebut, nilai-nilai agama itu akan tersebar? Apakah elemen-elemen yang menentukan kepada kejayaan penyebaran tersebut? Kejayaan kemuncak tamadun manusia pada peringkat

ini ialah tahap intelektual manusia. Daya kreativiti manusia semakin berkembang hasil daripada interaksi dan ilmu yang diteroka. Pada peringkat ini, kawalan yang mengawal diri dan perkembangan manusia ialah akal. Walau bagaimanapun, satu kelemahan yang ada pada akal ialah akal tidak mampu untuk mengawal kehendak rasa manusia (al-Mesawi 1998).

Tahap seterusnya ialah peringkat deria rasa atau *instinct*. Pada peringkat ini senario manusia mula menjurus kepada faktor-faktor keruntuhan. Ini merujuk kepada gejala-gejala sosial yang kian parah di kalangan masyarakat, seperti kelemahan daya kreativiti dan berleluasanya korupsi. Keadaan ini berlaku ekoran daripada deria rasa tadi yang bebas daripada kongkongan manusia. Pada tahap ini menurut Malek Bennabi, akal sudah hilang kekuatan fungsi sosialnya. Apabila ini berlaku, masyarakat manusia mula memasuki 'era kegelapan' (Bariun 1993: 118). Persoalan yang perlu dilihat di sini ialah bagaimana pengaruh dan peranan agama menurut Malek Bennabi dalam ketiga-tiga zaman ini. Sekiranya sebelum ini, diperjelas bahawa agama dan nilai-nilai agama berperanan sebagai pemangkin kepada perkembangan manusia, bagaimanakah faktor ini terjadi? Cetusan penghayatan agama dalam diri manusia menurut Malek Bennabi melalui tiga peringkat, iaitu ketika agama muncul, keduanya setelah agama tersebut menjadi sebatian dalam jiwa dan seterusnya apabila ia berlaku dalam sejarah (al-Mesawi 1998). Ini bererti bahawa kemuncak perkembangan ini ialah apabila tiba ke peringkat pelaksanaan dan penghayatan.

Pembangunan dalam Konteks Individu (Manusia)

Kewujudan sesebuah masyarakat sebenarnya bermula daripada pembentukan individu. Berhubung dengan pembentukan individu, penganalisaan Bennabi mengenai perkembangan manusia ialah selari dengan apa yang pernah dikemukakan oleh Ibn Khaldun. Dalam hal ini, Malek Bennabi juga seperti Ibn Khaldun, melihat perkembangan manusia melalui proses perkembangan dan kematangan manusia sebagai satu proses biasa. Sekiranya perkembangan tamadun melalui tiga proses, menurut Malek Bennabi proses yang sama akan berlaku kepada manusia. Tiga peringkat yang dilalui oleh manusia ialah peringkat benda, individu dan pemikiran (Bennabi 1994).

1. *Benda*. Pada peringkat benda, manusia yang baru lahir tidak mempunyai apa-apa gambaran berhubung dengan dunia luar. Segala benda, perkara dan pemikiran yang sentiasa berlegar di sekitar kehidupannya pada ketika itu tidak memberi apa-apa pengertian. Dunianya ketika itu begitu terbatas dan hanya dalam lingkungan bersama dengan ibunya (Bariun 1993: 123).
2. *Individu*. Peringkat kedua perkembangan manusia bermula apabila kanak-kanak tersebut mula berinteraksi dan berkomunikasi. Kanak-kanak tersebut mula pandai menjalin hubungan dengan masyarakat sekitar. Bermula dari sini, kanak-kanak tersebut mula membina rangkaian sosialnya. Dalam konteks penghayatan nilai kesan daripada interaksi yang berlaku itu, kanak-kanak terbabit mula menyerap nilai-nilai serta norma-norma yang diterima. Hal ini berlaku kerana interaksi yang terjalin pada ketika itu (Bariun 1993: 123).
3. *Pemikiran*. Ada pun pada peringkat ini, ia dianggap sebagai tahap kematangan kanak-kanak. Pada peringkat ini kanak-kanak terbabit sudah bijak menghargai dan menilai kecantikan sesuatu dan mula memahami konsep-konsep. Malek Bennabi percaya bahawa kanak-kanak sudah boleh membezakan antara satu ideologi dengan ideologi yang lain. Hasilnya ialah ideologi tadi berperanan besar dalam membentuk tingkah laku kanak-kanak tersebut (Bariun 1993: 123).

Beliau turut membincangkan persoalan pembentukan identiti individu dalam konteks membangunkan tahap keyakinan diri. Menurut beliau, personaliti seseorang terbina berdasarkan dua aspek utama, iaitu keadaan semulajadi dan persoalan persekitaran. Berdasarkan aspek semulajadi ini, setiap manusia tanpa mengira latar belakang dan anutannya, mempunyai potensi untuk berkembang. Ini selari dengan firman Allah (s.w.t.) yang menyebut bahawa manusia ialah sebaik-baik kejadian (al-Qur'an, al-Tin: 4). Berdasarkan kenyataan ini, setiap individu boleh maju atau mundur bergantung kepada usaha dirinya sendiri. Aspek kedua yang mempengaruhi perkembangan identiti dan potensi manusia ialah faktor persekitaran yang berkait dengan elemen budaya dan tahap perkembangan tamadun sesuatu bangsa (al-Mesawi 1998: 61). Persoalannya di sini ialah bagaimana faktor persekitaran dapat membentuk identiti diri manusia? Bagaimana pula agama berperanan dalam menapis segala nilai yang berlegar di sekitar kehidupan manusia?

Malek Bennabi menganalisa bahawa kemunculan sesuatu budaya berlaku secara serentak dengan kewujudan manusia atau masyarakat itu sendiri. Ini kerana menurut beliau, idea atau pemikiran yang wujud dalam diri manusia itulah yang menggerakkan diri manusia untuk maju atau mundur. Ini membawa pengertian bahawa budaya yang dianggap sebagai elemen terpenting dalam pembentukan jati diri manusia ialah hasil cetusan pemikiran manusia (al-Mesawi 1998: 62). Sekiranya ini diambil kira dalam konteks pembangunan manusia, faktor-faktor kondusif yang menggalakkan perkembangan minda dan motivasi manusia amat penting diberi perhatian. Bentuk-bentuk perkembangan minda dapat dilaksanakan melalui proses interaksi massa, peningkatan budaya ilmu di kalangan anggota masyarakat dan seterusnya ruang yang luas untuk diterjemahkan setiap teori kemajuan yang dapat difahami.

Berdasarkan perbincangan di atas, jelas memperlihatkan bahawa bagi Malek Bennabi, faktor dalaman ialah aspek terpenting dalam usaha membangunkan manusia. Pemikiran setiap individu perlu diarahkan kepada satu objektif yang jelas agar tercapai segala gerak kerja. Sementara pemikiran itu pula perlu diadun dengan kefahaman yang jitu mengenai proses peningkatan ilmu melalui penghayatan budaya ilmu.

Hubungan Agama dan Pembangunan Manusia

Malek Bennabi percaya bahawa faktor terpenting di sebalik perkembangan tamadun manusia ialah agama. Agama menjadi satu prinsip utama dalam sesuatu tamadun kerana menurut beliau lagi, hanya pemikiran agama sahaja yang mampu membawa manusia dan nilai-nilai kemanusiaan ke tahap yang tinggi. Apabila nilai keagamaan itu runtuh, implikasinya nilai-nilai kemanusiaan akan turut musnah (dalam Youcef 1993: 553). Ini bererti bahawa nilai keagamaan berperanan dalam mengawal dan menjurus manusia ke arah peneguhan identiti diri.

Dalam konteks ini, Hocine Youcef (1993: 553) berpendapat bahawa Malek Bennabi ingin menegaskan mengenai kepentingan agama dalam perkembangan tamadun manusia. Pemikiran agama akan mewujudkan hubungan yang baik antara kalangan ahli masyarakat dan impaknya ialah setiap ahli masyarakat akan berusaha ke arah memaju dan seterusnya membina tamadun. Di sini Malek Bennabi ingin memaparkan faktor dinamika nilai agama dalam memotivasikan tenaga manusia. Keyakinan Malek Bennabi bahawa agama berfungsi sebagai pemangkin sesebuah tamadun bertambah jelas dengan penghujahannya bahawa kemunculan tamadun Islam ialah berasaskan prinsip agama. Ini kerana agamalah yang membebaskan manusia daripada belenggu dan cengkaman nafsu dan seterusnya menjadikan manusia memahami tujuan penciptaannya, iaitu untuk beribadat kepada Allah (s.w.t.) (Lihat surah al-Dhariyat: 56; al-Baqarah: 30; al-Qasas: 77). Dalam konteks jalinan nilai agama Islam dengan kehidupan manusia, Mohd. Kamal Hasan (1981: 45) mengkategorikannya kepada dua aspek. Pertama, Islam dan nilai-nilainya merangkumi segenap aspek kegiatan manusia. Kedua, manusia berperanan sebagai pentadbir bagi mengurus alam ini. Hakikat hubungan antara nilai estetika dan nilai-nilai keagamaan sebenarnya telah diakui sendiri oleh ahli sosiologi Barat umpamanya Pitrim A. Sorokin yang mengungkapkan, “nilai keindahan dan seni...tidak dapat dipisahkan daripada nilai-nilai tinggi yang lain: Tuhan, kebenaran, kebaikan...” (Sorokin 1953: 57).

KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan di atas, jelas menunjukkan pembangunan manusia menurut perspektif Malek Bennabi perlu kepada aspek dalaman dan luaran. Aspek dalaman merujuk kepada persoalan kerohanian, manakala aspek luaran pula merujuk kepada suasana persekitaran di sekeliling manusia. Lantaran daripada penganalisaan ini, dapat dinyatakan bahawa pemikiran Malek Bennabi sebagai seorang pemikir Islam abad-ke-20M sudah tentu masih relevan dalam konteks pembangunan manusia kini. Dengan demikian, Malek Bennabi masih berkeyakinan bahawa agama memainkan peranan utama dalam membentuk kekuatan dalaman diri manusia. Justeru, tamadun yang lahir daripada kelompok manusia yang menghayati nilai keagamaan, akan menjadikan tamadun tersebut lebih mantap dan harmoni. Ini menunjukkan pendekatan beliau lebih bersifat integrasi yang membawa maksud semua elemen dalam masyarakat mempunyai fungsi ke arah memperteguhkan aspek pembangunan manusia. Setiap unit dalam masyarakat perlu menyedari tentang kepentingan mereka untuk memainkan peranan. Dalam mengutarakan paradigma pembangunan manusia, Malek Bennabi menjadikan sejarah sebagai panduan. Ini memperlihatkan bahawa faktor sejarah tidak boleh dikesampingkan. Beliau menjadikan *al-Sirah al-Nabawiyah* sebagai panduan dalam membina generasi terkini. Sementara, dalam konteks memperkembangkan minda manusia, nilai-nilai agama perlu diserapkan demi memastikan manusia yang terbentuk itu, seimbang antara rohani dan jasmani.

RUJUKAN

1. Abul-Fadl, Mona M. (pnyt.). 1993. *Proceedings of the 21st annual conference of the association of muslim social scientists*. Virginia: International Institute of Islamic Thought.
2. Anwar Ibrahim. 1991. Preface. Dlm. Bennabi, Malek. *Islam in history and society*. Terj. Rashid, Asma. Kuala Lumpur: Berita Publishing.
3. Anwar Ibrahim. 1992. Keynote address to the international seminar on Malik Bennabi. *The American journal of Islamic social sciences* 9(3): 421-424.
4. Bariun, Fawzia. 1992. Malik Bennabi and the intellectual problems of the muslim ummah. *The American journal of Islamic social sciences* 9(3): 325-337.
5. Bariun, Fawzia. 1994. *Malek Bennabi: His life and theory of civilization*. Petaling Jaya: Budaya Ilmu Sdn. Bhd.
6. Bennabi, Malek. 1991a. *Islam dalam sejarah dan masyarakat*. Terj. Ismail Ahmad. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
7. Bennabi, Malek. 1991b. *Islam in history and society*. Terj. Rashid, Asma. Kuala Lumpur: Berita Publishing.
8. Bennabi, Malek. 1992. The Algerian perspective. Terj. Rashid, Asma. *Islamic studies* 31(3): 253-265.
9. Bennabi, Malek. 1994. *The problem of ideas in the muslim world*. Terj. El-Mesawi, Mohamed T. Petaling Jaya: Budaya Ilmu Sdn. Bhd.
10. Bennabi, Malek. 1997. The conditions of the renaissance. *Islamic studies* 36(1): 89-95.
11. Bennabi, Malek. 1997. The conditions of the renaissance. *Islamic studies* 36(4): 643-655.
12. Bennabi, Malek. 2001. *The Qur'anic phenomenon: An essay of a theory on the Qur'an*. Terj. El-Mesawi, Mohamed El-Taher. Kuala Lumpur: Islamic Book Trust.,
13. Beyer, P. 1994. *Religion and globalization*. London: Sage.
14. Binnabi, Malik. 1971. *Mushkilat al-thaqafah*. Terj. Shahin, ^CAbd al-Sabur. Dimashq: Dar al-Fikr.
15. Binnabi, Malik. 1974. *Dawr al-muslim wa risalatuh*. Bayrut: Dar al-^CIlmiyyah.
16. Binnabi, Malik. 1974. *Milad mujtama^C, shabkat al-^Calaqat al-ijtima^Ciyah*. Terj. Shahin, ^CAbd al-Sabur. Dimashq: Dar al-Fikr.
17. Binnabi, Malik. 1981. *Wijhat al-^Calam al-Islami*. Terj. Shahin, ^CAbd al-Sabur. Dimashq: Dar al-Fikr.
18. Binnabi, Malik. 1984. *Mudhakkirat shahid li al-qarn*. Cet. ke-2. Dimashq: Dar al-Fikr.
19. Binnabi, Malik. t.th. *Hadith fi al-bina' al-jadid*. Bayrut: al-Maktabah al-^CAsriyyah li al-Tiba^Cah wa al-Nashr.
20. Che Yusoff Che Mamat. 1986. Kesepaduan rohani dan jasmani dalam ajaran Islam. *Islamiyyat* 7: 3-12.
21. Dhaouadi, Mahmood. 1986. An exploration into Ibn Khaldun and western classical sociologists' thought on the dynamics of change. *The Islamic quarterly* 30(3): 253.

22. Haniff, Ghulam M. 1992. Muslim development at risk: The crisis of human resources. *The American journal of Islamic social sciences* 9(4): 515-532.
23. Haron Din. 1988. *Manusia dan Islam*. Kuala Lumpur: Percetakan Watan Sdn. Bhd.
24. Mohamad Kamil Ab. Majid. 1993. Pemikiran Malik bin Nabi mengenai problem tamadun dunia Islam kini. *Jurnal Usuluddin* 1: 32-46.
25. Mohd. Kamal Hassan. 1981. Konsep keindahan dalam Islam dan hubungannya dengan seni dan sastera: Suatu pandangan umum. *Islamiyyat* 3: 39-50.
26. al-Namr, ^CAbd al-Mun^Cim. 1987. *Shakhsiyyat al-muslim*. al-Qahirah: Mu'assasat Mukhtar.
27. Pickthall, Marmaduke. 1961. *Cultural side of Islam*. Lahore: Sh. Muhammad Ashraf.
28. Rahimah Abdul Aziz & Mohamed Yusoff Ismail (pnyt.). 2000. *Masyarakat, budaya dan perubahan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
29. Sorokin, Pitrim A. 1953. *The basic trends of our times*. New Haven: College and University Press.
30. Youcef, Hocine. 1993. Malik Bennabi and the civilizational reconstruction of the muslim world. Dlm. Abul-Fadl, Mona M. (pnyt.). *Proceedings of the 21st annual conference of the association of muslim social scientists*, hlm. 553-558. Virginia: International Institute of Islamic Thought.